

31/10/2000

Kembara Puisi di Tim meriah

Ismas Saring

SELEPAS menjelajah pulau ke pulau dan kemudian ke Sumatera Utara dengan penyertaan penyair yang tidak sama, Kembara Puisi meneruskan kegiatannya khususnya di negara jiran.

Ketika menyusuri pantai dan pulau di kepulauan Riau (Kepri) dari 28 Mei hingga 5 Jun lalu dan ke Sumatera Utara (Sumut) pada 18 hingga 22 Ogos lalu, Kembara Puisi dianggotai penyair Dr Noor SM, Dr Ibrahim Ghafar dan Ahmad Sarju. Kembara yang sama meneruskan jaringannya ke Taman Ismail Marzuki (Tim) Jakarta dari 13 hingga 17 Oktober, lalu.

Kembara ke Tim kali ini disertai penyair Dr Noor, Dr Ibrahim, Ahmad Razali dan penulis selaku wakil Malaysia atas jemputan Yayasan Kesenian Riau Jakarta (YKRJ) sempena agenda Gong Panggung Melayu yang turut menyertakan Baca Sajak Serumpun pada malam 14 Oktober lalu.

Turut diundang penyair Djamil Tukimin dari Singapura; Aminah Momin dari Brunei Darussalam; Alhaj Aris Abeba, Khazini KS, Fakhrunnas MA Jabbar, Aida Ismeth Abdullah semua dari Riau; dan tidak ketinggalan penyair Asrizal Nur, Ahmadun Yosie Herfanda, Joserizal Manua dan Diah Hadening (Jakarta).

Kata pengantar Baca Sajak Serumpun disampaikan penyair Abdul Hadi WM yang banyak menyentuh senario seni, bahasa dan kebudayaan setempat di samping menonjolkan Raja Ali Haji selaku tokoh sastera Melayu.

Sebelum sampai ke acara baca puisi, tirai pentas dibuka dengan mempersembahkan Gelar Musik Melayu oleh Zuarman Tambusi dan kumpulannya yang diikuti acara lelong lukisan bertujuan mendapatkan dana bagi mengisi tabung YKRJ.

Memulakan acara baca sajak serumpun oleh penulis sendiri, diikuti Khazini, Dasri Almubari, Dr Ibrahim, Ahmadun, Aida, Dr Ahmad, Azrizal, Dr Noor, Aminah Momin; Alhaj Aris dan Diah.

Penyertaan penyair Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura selain Riau mendapat maklum balas peminat terutama di sekitar Jakarta kerana sehari sebelum itu sudah menjadi bahan siaran dalam akhbar tempatan. Tidak hairan jika gedung Graha Bhakti Budaya, tempat kegiatan berlangsung melempah penonton.

Sebagaimana tersangka, sorakan dan tepukan gemuruh sebaik saja penyair Riau dan Jakarta habis membacakan bait puisi masing-masing. Hal itu berlaku disebabkan penyair berkenaan membawakan puisi yang mempunyai mesej tertentu bertemakan perjuangan rakyat dan keadaan di Indonesia masa kini.

Berlainan dengan penyair Malaysia dan Brunei menyampaikan puisi dengan mesej tersendiri, lembut dan sederhana termasuk puisi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mahamad Perjuangan Yang Belum Selesai yang disampaikan oleh Dr Ibrahim.

Bagaimanapun keadaan tidak mencatatkan acara sebaliknya agenda Gong Panggung Melayu dianggap tindakan berani oleh kalangan seniman Riau khasnya mereka yang menetap di Jakarta atas satu wawasan membuktikan Riau tidak sendirian.

Walaupun beberapa penyair dari Singapura seperti Masuri SN dan Dr Hadijah tersenarai dalam sependuk namun mereka tidak hadir dan kabarnya Djamil terbabit dengan kegiatan Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur (PPDKL) yang secara kebetulan berlangsung pada waktu yang sama.

Ketika itu baru tahu, penulis juga antara mereka yang terbabit dengan PPDKL namun sehingga saat akhir tidak menerima surat pemakluman mengenainya. Mungkin panitia PPDKL meringgirkan penulis yang tiada kelas

di negara sendiri. Sungguh mengecewakan. Jika benar, semoga panitia PPDKL berasa bahagia dengan tindakan mereka.

Dr Ahmad yang ketika itu ahli jawatankuasa Persatuan Penulis dan Kebajikan Selangor (Kemudi), mencadangkan penulis selaku salah seorang peserta PPDKL, bukan saja disahkan tetapi diterima oleh AJK Kemudi. Namun, penulis tidak menerima surat mengenainya sama ada daripada Kemudi atau panitia PPDKL sehingga saat akhir berangkat Ke Jakarta.

Sebagaimana lazimnya dalam pertemuan, tamat baca puisi acara `ngobrol' bermula di luar gedung hingga lewat malam. Perut meminta habuan namun di tengah malam begitu tiada lagi warung yang dibuka dan terpaksa menghambatnya hampir seluruh kota Jakarta.

Tidak terduga, penulis ditemukan dengan penyair Fathyen Hammamah Handry yang `nyelonong' menawarkan diri menghantar pulang di Hotel Marcopolo. Mungkin mahu membalas budi kerana beliau dan rakan pulang dari menghadiri Dialog Utara VIII di Selatan Thailand akhir tahun lalu dan singgah di rumah Pena, penulis bersama Dr Ibrahim dan Timbalan Presiden Pena Datuk Baharuddin Zainal menghantar mereka ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur hingga jam 1 pagi.

Berikutan peristiwa itu (barangkali?) Fathyen mahu membayar segala yang dianggap hutang dan ternyata dia bukan saja membereskan hutangnya dengan memberi kemudahan pengangkutan menggunakan `Kijang'nya tetapi juga menyusuri kota mencari rumah makan seterusnya penyair dari Malaysia dan Brunei menikmati makan tengah malam secara gratis kerana semuanya ditanggung Fathyen.

Jika dihitung sebagai hutang, telah dilunaskan Fathyen. Bagaimanapun selaku seniman warga dunia yang gelandangan, ia bukan soal harga dalam sebuah kehidupan.

Untuk itu, penulis dan teman lain termasuk Aminah mengucapkan terima kasih atas keikhlasan Fathyen melakukan segalanya. Agak terkilan juga, kerana kabarnya Fathyen akan meninggalkan Jakarta tidak lama lagi untuk bersama suaminya yang bertugas di Kaherah. Siapa tau, mungkin akan ada acara baca puisi Melayu di Kaherah yang mungkin bakal dipelopori Fathyen. Jemputlah keluarga Pena bersama menikmati desir angin Laut Merah.

Pengembaraan dan acara yang begitu bermanfaat dan indah agak tercalar adanya mereka yang ambil kesempatan mengenakan Rp700,000 untuk tujuh keping gambar berukuran 4R kepada peserta dari Brunei. Satu nilai yang tidak sepatutnya dibayar.

Penulis tidak menyalahkan YKRJ dalam hal berkaitan kerana dalam kesibukan mengatur segala acara, memang tidak dapat mengawal kehadiran paparazi yang sentiasa mencari mangsa, namun tidak sepatutnya berlaku terutama dalam acara yang membabitkan peserta dari luar Indonesia.

Konklusinya, agenda Gong Panggung Melayu berjaya mencapai matlamatnya bukan saja untuk menyatukan seniman Riau dan Jakarta tetapi juga dari Malaysia dan Brunei Darussalam berkampung.

Kabarnya, Kembara Puisi berikutnya sedang dirancang oleh Dr Noor dan Presiden Kelab Penyair Shah Alam (KPSA) Dr Ahmad pada waktu terdekat dan sudah menyenaraikan beberapa tempat antaranya Batam, Pekan Baru dan Jateng (Jawa Tengah) bakal menyusuri asal warisan dan budaya bangsa.

Jika ada penyair yang ingin turut serta bukan saja menghasilkan karya tetapi juga menimba pengalaman di rantau orang sila hubungi mereka menerusi talian 06-2829903 (Noor SM) dan 03-55103610 (Ahmad Razali).

(END)